

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 MAC 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16

Tiada kuasa kawal harga makanan siap dimasak

Kuala Selangor: Kerajaan mengakui tiada kuasa mengawal kenaikan harga makanan yang siap dimasak.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ini kerana harga makanan yang siap dimasak tidak termaktub dalam Akta Kawalan Harga.

"Akta Kawalan Harga hanya membolehkan kerajaan mengawal bahan mentah tertentu contohnya minyak masak paket.

"Secara ekonomi, mengawal harga makanan yang dimasak tidak dibuat oleh mana-mana kerajaan dalam dunia," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan sesi lawatan ke mesin layan diri Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam, di sini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM, Prof Dr Mohd Sazili Shahibi dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Tiada kuasa kawal harga makanan siap dimasak



RAFIZI (kiri) meninjau mesin layan diri IPR di Fakulti Sains Kesihatan UiTM Kampus Puncak Alam.

(MPKS), Rahilah Rahmat.

Pada program itu, UiTM Puncak Alam dipilih sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama melancarkan mesin layan diri IPR.

Mengulas mengenai mesin layan diri IPR, Rafizi berkata, inisiatif Kementerian

Ekonomi dari segi dasar ialah menggalakkan persaingan harga lebih baik.

"Kita cuba buktikan merusni mesin layan diri IPR yang mana kita membantu dari segi kos bukan bahan mentah iaitu sewa, elektrik, pekerja dan sebagainya.

"Dengan harga makanan

murah, ia bukan sahaja membantu pembeli, tetapi juga mewujudkan persaingan sihat dan menghantar isyarat kepada peniaga lain.

"Kalau kenaikan harga terus berlaku, lama kelamaan lebih banyak inisiatif ini dibuat di seluruh negara. Mak-sudnya akan ada tekanan dari segi persaingan daripada peniaga lain kerana harga lebih murah," katanya.



Secara ekonomi, mengawal harga makanan yang dimasak tidak dibuat oleh mana-mana kerajaan dalam dunia"

Rafizi